



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH DUNGUN

# MOKISS

## MODUL KUINGIN SIJIL SPM

### SEJARAH

#### SESI AKADEMIK 2022/23



ANJAKAN MUAFKAT NEKAD



## PRAKATA

*Assalamualaikum warahmatullah hi wabarokatuh*  
Salam sejahtera.  
Salam DungunLEADS  
Salam Anjakan Muafakat Nekad

Puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Ilahi Yang Maha Kuasa, kerana berkat rahmat-Nya, Modul Kuingin Sijil SPM (MoKISS) Tahun 2022 berjaya disiapkan dengan berbekalkan iltizam dan semangat yang tinggi, gabungan kepakaran dan idea yang bernas serta kerja sepasukan yang baik sehingga berupaya menyiapkan buku modul tersebut dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Inisiatif *Task Force* Layak Sijil SPM PPD Dungun mewujudkan Modul MoKISS bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SPM dan Sejarah SPM merupakan salah satu alternatif sumber pembelajaran kepada guru dan murid untuk belajar secara lebih efektif dan berfokus. Justeru, sebanyak 2 buah Modul Kuingin Sijil SPM atau MoKISS telah berjaya dihasilkan khusus untuk membantu murid-murid kategori Potensi Lulus agar berjaya memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia dalam dua mata pelajaran teras utama Sijil Pelajaran Malaysia iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah.

Modul-modul ini digubal dan dibina oleh 27 orang panel penggubal Modul Subjek Bahasa Melayu dan 27 orang panel penggubal Modul Sejarah yang terdiri daripada guru-guru berpengalaman sekolah menengah daerah Dungun dengan mengutamakan keperluan sukatan pelajaran KSSM, DSKP, buku teks dan keperluan format SPM terkini.

MoKISS mengandungi siri-siri latihan dan soalan-soalan SPM format terkini yang memberikan penekanan berdasarkan aras pencapaian murid aras rendah dan sederhana. Modul ini juga turut diselitkan contoh dan kaedah bagi menjadikan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang lebih menarik dan berkesan agar dapat membantu merangsang minat murid untuk menguasai teknik-teknik menjawab soalan SPM.

Akhir kata, jutaan penghargaan kepada Penyelaras MoKISS dan 54 orang panel Penggubal Modul Kuingin Sijil SPM 2022 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SPM dan Sejarah SPM yang berjaya menyiapkan dan menghasilkan modul ini di bawah *Task Force Program Layak Sijil SPM 2022*. Marilah kita bersama-sama berdoa agar MoKISS dapat dijadikan sumber rujukan dan memberi manfaat kepada semua calon SPM bagi mencapai sasaran peningkatan peratus layak Sijil SPM 2022 serta merealisasikan impian "Anjakan Muafakat Nekad".

Sekian.

  
**SHAMSUL BAHRI BIN SHAFIE**  
Timbalan PPD Sektor Pengurusan Sekolah  
Pejabat Pendidikan Daerah Dungun



## SEUNTAI KATA SEINDAH BAHASA

*Assalamualaikum warahmatullah hi wabarokatuh*

Salam sejahtera.

Salam DungunLEADS

Alhamdulillah, puji dan syukur atas segala rahmat yang diberikan oleh Allah SWT atas limpah dan keizinan-Nya apabila dua buah Modul Kuingin Sijil SPM atau MoKISS bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah SPM di bawah *Task Force Layak Sijil SPM 2022* berjaya diterbitkan untuk edisi kedua sekali gus dapat dijadikan panduan berguna bagi kegunaan guru dan murid-murid potensi lulus SPM 2022 khususnya dan semua murid menengah atas amnya.

Objektif utama penghasilan Modul MoKISS adalah untuk membantu murid Tingkatan Lima kategori potensi lulus memahami sukatan dan bentuk soalan SPM Terkini Tahun 2021 agar mereka lebih mudah untuk menguasai teknik menjawab soalan SPM sebenar sekaligus memperoleh sekurang-kurangnya keputusan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan sejarah dalam peperiksaan SPM. Hal ini demikian kerana Bahasa Melayu dan Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang mewajibkan calon SPM berusaha untuk lulus bagi memperoleh sijil SPM.

Selain itu juga, modul ini juga dihasilkan untuk membantu para guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara lebih efektif dan berfokus kepada murid-murid tingkatan empat dan tingkatan lima. Modul ini boleh digunakan sebagai sumber pembelajaran tambahan atau sebagai bahan untuk tujuan latih tubi, pengayaan dan rujukan.

Modul ini dihasilkan mengikut topik dengan memberikan penekanan utama kepada format peperiksaan SPM Bahasa Melayu dan Sejarah yang terkini sama ada berhubung dengan bentuk soalan mahupun skema jawapan yang disediakan. Selain itu, topik-topik yang ada di dalamnya mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu dan Sejarah KSSM yang merangkumi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Modul ini dihasilkan oleh sekumpulan panel penggubal yang terdiri daripada guru cemerlang, Jurulatih Utama, Pemeriksa Kertas Peperiksaan SPM dan guru berpengalaman bagi subjek Bahasa Melayu dan subjek Sejarah daerah Dungun yang rata-rata terdiri daripada guru berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun.

Diharapkan agar semua murid menengah atas khususnya murid berpotensi lulus Tingkatan 5 dan guru-guru akan memanfaatkan Modul ini dalam usaha memperoleh peningkatan keputusan peperiksaan SPM yang cemerlang, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Semoga segala usaha ke arah meningkatkan kecemerlangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah akan dapat membuahkan hasil yang memberangsangkan.

Sekian. Terima kasih



**MOHD FADZILAH BIN MOHD IBRAHIM**  
Timbalan PPD Sektor Pembelajaran,  
Pejabat Pendidikan Daerah Dungun.



# PEMBIMBING SINERGI MODUL KUINGIN SIJIL SPM 2022



TUAN HAJI MOHD ISHAM BIN EMBONG  
SISC+ SAINS SOSIAL  
PENYELARAS PROGRAM LAYAK SIJIL SPM



ENCIK CHE WAN ABDUL JAMIL BIN CHE  
WAN ABDULLAH  
SISC+ BAHASA  
PENYELARAS 2 PROGRAM LAYAK SIJIL SPM



PUAN HAJAH SITI ZALAHA BT  
ABDULLAH  
SISC+ SAINS DAN MATEMATIK  
PEGAWAI MEJA SPM



PUAN FATIMAH SYAM BT GHAZALI  
SISC+ SAINS DAN MATEMATIK  
PENYELARAS PROGRAM SEKOLAH  
TAKUNGAN SPM



ENCIK NAMIZAM BIN NGAH  
PEGAWAI UNIT SUMBER TEKNOLOGI  
DAN PENDIDIKAN  
GRAFIK DAN ILUSTRASI MOKISS 2022

# PANEL PENGGUBAL SEJARAH SPM



**MOHD SUBHI BIN ARSHAD**  
SMK DATO ENKUN BUKAYA SURABAYA



**SAKILAH BT YUSUFF**  
SMK SURABAYA



**ZARILAH BINTI MOHAMAD**  
SMK SANS DUNGUN



**ZURNAH BINTI JUOH**  
SMK JERANGAU



**ZAWIAH@NAJIHAH BT HARON**  
SMKA KUALA ABANG



**MOHD ROSDI BIN ABD. RAHMAN**  
SMK TEJAPUTRA



**ZARIYAH BINTI MUSA**  
SMK PULAU SERAI



**AZIZAH@AZIZAN BT OSMAN**  
SMK KOMPLEKS PADANG JAMBU



**NORIAH BT AWANG**  
SMK BALAI BESAR

# PANEL PENGGUBAL SEJARAH SPM



**MOHD RODZI BIN MUDA**  
SM IMTIAZ YT DUNGUN



**NASRULLAH BIN ABD RAHMAN**  
SMK PAKA



**ANUAR BIN HUSIN**  
SMK KOMPLEKS PADANG JAMBU



**NUR AFQAHIZYAN BT MAT NOOR**  
SMK SERIPAKA



**MUHAMAD HANDI BIN JUSOH**  
SMK SULTAN OMAR



**IL YANA BT ZULKEFLI**  
SMK DURIAN MAS



**KHAIROL MARINA BT YACOB**  
SMK BUKIT BESI



**WAN ROSIDA BT W. MAT AMIN**  
SMK JERANGAU



**KAMARIZAH HASNI BINTI SAAD**  
SM AGAMA SULTAN ISMAIL

# PANEL PENGGUBAL SEJARAH SPM



MARDIAH NOR BINTI KAMARUDIN  
SM SAINS DUNGUN



W. ZALEAWATI BT W. OTHMAN  
SMK TENGKUNTAN ZAHARAH



W. KHALIJAH BINTI W. IBRAHIM  
SMK SERIRASAU



SUFIAN BINTI MAHMUD  
SMK SERIPAKA



NOOR SYAHRAH BT ABDULLAH  
SMK KUALA JENGAL



TERATAI BT NGAH  
SMK PADANG PULUT



NOOR FARAWAHIDA BINTI SITI  
SMK SERIDUNGAN



NORIHAN BT ABDULLAH  
SMKA KUALA ABANG



NOR AMLYANA  
BINTI SULONG@MOKHTAR  
SMK KOMPLEKS R. ABANG

# SENARAI KANDUNGAN

SET	TAJUK	MUKA SURAT
1	<b>SEJARAH KERTAS 1 (40 soalan aneka pilihan)</b>	9 - 28
	SEJARAH KERTAS 1: Set 1	9-18
	SEJARAH KERTAS 1: Set 2	19-28
2	<b>SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN A (STRUKTUR)</b>	29 - 73
	Bab 1 (Tingkatan 4): Warisan Negara Bangsa	30
	Bab 2 (Tingkatan 4): Kebangkitan Nasionalisme	34
	Bab 3 (Tingkatan 4): Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita	37
	Bab 4 (Tingkatan 4): Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita	40
	Bab 5 (Tingkatan 4): Persekutuan Tanah Melayu 1948	45
	Bab 6 (Tingkatan 4): Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat	52
	Bab 7 (Tingkatan 4): Usaha ke Arah Kemerdekaan	55
	Bab 8 (Tingkatan 4): Pilihan raya	62
	Bab 9 (Tingkatan 4): Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	65
	Bab 10 (Tingkatan 4): Pemasyhuran Kemerdekaan	68
3	<b>SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN B (ESEI)</b>	74
	Bab 1 (Tingkatan 5): Kedaulatan Negara	75
	Bab 2 (Tingkatan 5): Perlembagaan Persekutuan	75
	Bab 4 (Tingkatan 5): Sistem Persekutuan	76
	Bab 5 (Tingkatan 5): Pembentukan Malaysia	77
	Bab 6 (Tingkatan 5): Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia	78
	Bab 7 (Tingkatan 5): Membina Kesejahteraan Negara	79-80
	Bab 9 (Tingkatan 5): Dasar Luar Malaysia	80-81
	Bab 10 (Tingkatan 5): Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia	81-82
	4	<b>SET SOALAN LENGKAP- MODUL 1</b>
SEJARAH KERTAS 1 (40 soalan aneka pilihan)		84-96
SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN A (STRUKTUR)		97-101
SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN B (ESEI)		102-104
5	<b>SET SOALAN LENGKAP- MODUL 2</b>	105-123
	SEJARAH KERTAS 1 (40 soalan aneka pilihan)	106-116
	SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN A (STRUKTUR)	117-121
	SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN B (ESEI)	122-123
<b>PERATURAN PEMARKAHAN</b>		
1	SEJARAH KERTAS 1 (40 soalan aneka pilihan)	124-125
2	SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN A (STRUKTUR)	126-163
3	SEJARAH KERTAS 2: BAHAGIAN B (ESEI)	164-180
4	SET SOALAN LENGKAP – MODUL 1	181-190
5	SET SOALAN LENGKAP – MODUL 2	191-201

# KERTAS 1

## SOALAN OBJEKTIF

### SEJARAH KERTAS 1 - SET 1

1. Bagaimanakah Bendahara memperolehi kawasan pegangan dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka ? (M/S 9)
  - A Pengurniaan oleh sultan
  - B Pengaruh keagamaan
  - C Pengiktirafan penduduk
  - D Perluasan pengaruh
  
2. Apakah peranan nakhoda sebagaimana yang tercatat dalam Undang – Undang Laut Melaka? (M/S 11)
  - A Mengawal barang dagangan
  - B Menentukan jumlah cukai penumpang
  - C Memastikan keselamatan pelayaran
  - D Mengurus kebajikan penumpang
  
3. Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah ini

- Abdul Rahim Kajai
  - Hajah Zainon Munshi Sulaiman
  - Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Apakah peranan tokoh di atas dalam pergerakan nasionalisme di Tanah air? (M/S 33)
  - A Mengasaskan pertubuhan politik
  - B Menggalakkan Pendidikan Inggeris
  - C Menghasilkan penulisan kreatif dan akhbar
  - D Penyalur maklumat dan penyebar berita
  
4. Mahatma Ghandi menjadikan **satyagraha** sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India. Bagaimanakah **satyagraha** mempengaruhi gerakan nasionalisme di negara tersebut? (M/S 26)
  - A Berjuang secara gerila
  - B Bergerak secara radikal
  - C Berunding dengan penjajah
  - D Berjuang tanpa keganasan

5. Tanah Melayu mengalami kemerosotan ekonomi semasa pentadbiran Jepun. Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi masalah tersebut? (M/S 71)
- A Melaksanakan ekonomi dagangan
  - B Mewujudkan sekatan ekonomi
  - C Memperkenalkan sistem ekonomi kawalan
  - D Membuka tanah secara besar-besaran
6. Mengapakah Eropah terjerumus ke dalam kancah Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918? (M/S 54)
- A Perluasan pengaruh Itali di Habsyah
  - B Serangan Jerman ke atas Poland
  - C Pembesaran angkatan tentera Jepun
  - D Pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary
7. Pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946 telah mendapat bantahan Raja-raja Melayu.
- Bagaimana bantahan tersebut dilakukan? (M/S 100)
- I Membawa kes ke mahkamah England
  - II Membuat perjanjian dengan British
  - III Meminta bantuan pegawai British
  - IV Menghantar surat bantahan ke London
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
8. Rosli Dhobi telah ditangkap kerana membunuh Sir Duncan Stewart, Gabenor British kedua di Sarawak.
- Apakah kesan pembunuhan tersebut? (M/S 112)
- A Penindasan terhadap gerakan antipenyerahan
  - B Pembentukan Gagasan Malaysia
  - C Pilihan raya pertama berlangsung
  - D Sarawak menjadi negeri naungan British
9. British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi seperti saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (M/S 133)
- Apakah yang dimaksudkan dekolonisasi?
- A Penstrukturan tanah jajahan
  - B Proses berkerajaan sendiri
  - C Pelaksanaan kabinet bayangan
  - D Penyeragaman sistem pentadbiran

10. PUTERA – AMCJA telah menganjurkan hartal pada 20 September 1947  
Apakah yang dimaksudkan dengan hartal? (M/S 131)

- I Memberhentikan kegiatan ekonomi
- II Melancarkan protes tanpa keganasan
- III Mengadakan rapat umum di bandar
- IV Mengadakan bantahan besar-besaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Apakah ciri persamaan perjuangan tokoh berikut? (M/S 146)

- Karl Marx
  - Friedrich Engels
- A Idea kapitalis
  - B Fahaman sekularisme
  - C Semangat nasionalisme
  - D Ideologi komunisme

12.

Pengisytiharan darurat di  
Tanah Melayu pada  
16 Jun 1948

Nyatakan faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa tersebut (M/S 148)

- A Pemberontakan rakyat terhadap British
- B Peperangan terbuka di Tanah Melayu
- C Pembunuhan pegawai British
- D Memelihara status quo orang Melayu

13. Mengapakah Parti United Malays Nation Organisation (UMNO) menentang Malayan Union? (M/S 172)

- A Membentuk kerajaan sendiri
- B Menentang kemasukan orang dagang
- C Menjayakan gagasan Melayu Raya
- D Memelihara status quo orang Melayu

14. Terdapat persamaan sumbangan tokoh-tokoh tersebut. Usaha yang ditunjukkan oleh mereka ialah (M/S 175)

- Dato' Onn Jaafar
- E.E.C Thuraisingham
- Yong Shook Lin

- A Memupuk kerjasama kaum
- B Merupakan anggota Sistem Ahli
- C Menganggotai rombongan kemerdekaan
- D Melaksanakan sistem pentadbiran Barat

15. Mengapakah Kerajaan British Malaya memperkenalkan pilihan raya di negara kita? (M/S 197)

- A Melatih penduduk tempatan untuk mengundi
- B Persediaan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti
- C Mengukuhkan amalan demokrasi negara merdeka
- D Membentuk perpaduan

16. Pernyataan berikut adalah syarat menjadi pengundi berdaftar dalam Pilihan Raya 1955

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- Berumur 21 tahun ke atas
- **X**

Apakah syarat bagi **X**? (M/S 200)

- A Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
- B Fasih bertutur dalam bahasa Kebangsaan
- C Mengemukakan kertas penamaan calon
- D Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu

17. Nyatakan perubahan dalaman yang mempengaruhi usaha kemerdekaan yang berlaku dalam negara kita (M/S 216)

- A Pilihan Raya Umum 1955
- B Kemajuan industri perlombongan
- C Peningkatan harga komoditi utama
- D Kegagalan pemberontakan Parti Komunis Malaya

18. Apakah nilai yang ditunjukkan oleh semua kaum semasa misi rundingan kemerdekaan di London? (M/S 216)

- A Mematuhi peraturan
- B Rajin berusaha
- C Bersatu padu
- D Menepati masa

19. Jawatankuasa Sambutan telah dibentuk sebagai persediaan untuk memeriahkan upacara sambutan kemerdekaan negara.

Apakah bentuk persediaan jawatankuasa ini? (M/S 237)

- I Memilih lagu kebangsaan
- II Menganjurkan kursus protokol
- III Menempah bendera kebangsaan
- IV Membina tempat sambutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Gambar berikut merujuk kepada peristiwa bersejarah penurunan Bendera Union Jack di Padang Kelab Selangor.



(Sumber: <http://klibrary.dbkl.gov.my>)

Apakah rumusan daripada peristiwa tersebut? (M/S 238)

- A Penamatan undang-undang darurat
- B Pemuluan pelantikan pemimpin
- C Pembubaran parlimen kerajaan
- D Pengakhiran penjajahan asing

21. Senarai berikut merujuk kepada maksud konsep

Kekuasaan tertinggi

Kewibawaan sesebuah negara yang bebas

Apakah konsep yang dimaksudkan di atas? (M/S 4)

- A Kebanggaan
- B Pentadbiran
- C Kedaulatan
- D Perlembagaan

22. Gambar rajah berikut berkaitan dengan sambutan yang diraikan dengan penuh semangat oleh rakyat Malaysia



**Rajah 2**

- Mengapakah sambutan tersebut diraikan secara meriah setiap tahun? (M/S 13)
- A Menarik kedatangan pelancong asing
  - B Memupuk semangat patriotisme
  - C Mendapat pengiktirafan dunia
  - D Memenuhi aspirasi rakyat Malaysia
23. Pernyataan berikut merujuk kepada ciri-ciri demokrasi berparlimen
- Dijadikan dokumen rasmi
  - Terkandung segala peraturan dan prinsip
  - Menjadi asas kepada pemerintahan negara
- Apakah ciri-ciri demokrasi berparlimen tersebut? (M/S 28)
- A Rakyat
  - B Pemerintahan
  - C Perlembagaan
  - D Kerajaan
24. Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam bidang agama Islam di negeri-negeri tertentu. Apakah negeri-negeri tersebut? (M/S 29)
- I Selangor
  - II Terengganu
  - III Pulau Pinang
  - IV Wilayah Persekutuan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

25. Senarai berikut merujuk kepada Kesultanan Melayu di negara kita

- Perak
- Pahang
- Johor - Riau

Mengapakah kesultanan tersebut dianggap warisan Kesultanan Melayu Melaka? (M/S 38)

- I Pembinaan tradisi dan adat istiadat
- II Pengenalan sistem pentadbiran pusat
- III Perkahwinan diraja dengan puteri Melaka
- IV Persamaan pertalian dari segi keturunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Rajah berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)



Apakah peranan SUHAKAM? (M/S 51)

- A Membentuk kerajaan
- B Melindungi hak asasi rakyat
- C Memerhati proses pilihan raya
- D Menasihati Jemaah Menteri

27. Majlis Mesyuarat Persekutuan distrukturkan semula pada tahun 1927.

Apakah tujuan penstrukturan semula Majlis Mesyuarat Persekutuan tersebut? (M/S 67)

- A Membentuk kerajaan merdeka
- B Mengukuhkan kedudukan British
- C Membentuk kerajaan persekutuan
- D Memelihara kedudukan raja Melayu

28. Maklumat berikut merupakan antara hasil kerjasama sosio- ekonomi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

Apakah program kerjasama yang dimaksudkan? (M/S 73)

- A Pembangunan tanah
- B Pembangunan wilayah
- C Pengurusan Taman Negara
- D Pembangunan Koridor Wilayah


29. Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan yang dijalankan di Tanah Melayu

Gerakan Melayu Raya oleh nasionalis sebelum Perang Dunia

Apakah tujuan gerakan tersebut? (M/S 90)

- A Memerdekakan wilayah Alam Melayu
  - B Menggabungkan negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia
  - C Mengembangkan fahaman komunis di Indonesia
  - D Mendesak orang Melayu untuk bersatu
30. Idea pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman turut mendapat dokongan British. Mengapa British menyokong cadangan tersebut? (M/S 93)
- I Ancaman komunis
  - II Desakan pihak luar
  - III Penentangan rakyat tempatan
  - IV Mempercepat kemerdekaan negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31. Faktor berikut menunjukkan faktor pemisahan Singapura dengan Malaysia. (M/S 119)



Apakah X ?

- A Bantahan negara jiran
- B Keputusan referendum
- C Ancaman komunis
- D Masalah perkauman

32. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein. Apakah tugas MAGERAN? (M/S 130)

- I Mengadakan pilihan raya
- II Membentuk perpaduan kaum
- III Melicinkan pentadbiran negara
- IV Menggubal perlembagaan negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Bagaimanakah dasar ekonomi berikut dapat memantapkan perpaduan kaum? (M/S 143)

Dasar Ekonomi Baru  
Dasar Pembangunan Nasional

- A Mengurangkan hak milik asing
- B Menggiatkan usaha penyelidikan
- C Mewujudkan keadilan ekonomi
- D Menyeragamkan sistem kewangan

34. Manakah antara berikut menjadi pemangkin perpaduan melalui sukan? (M/S 155)

- I "Malaysia Boleh"
- II "Bahasa Jiwa Bangsa"
- III Kurikulum Baru Sekolah Menengah
- IV Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Berikut adalah program pembangunan Wilayah.

- KEJORA
- KETENGAH
- DARA

Apakah tanaman yang diberi keutamaan dalam program pembangunan wilayah tersebut? (M/S 171)

- A Padi dan jagung
- B Koko dan tembakau
- C Padi dan kopi
- D Getah dan kelapa sawit

36. Apakah dua rancangan yang diperkenalkan di bawah Dasar Pembangunan Nasional? (M/S 174)

- I Rancangan Malaysia Keempat
- II Rancangan Malaysia Kelima
- III Rancangan Malaysia Keenam
- IV Rancangan Malaysia Ketujuh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Pasangan yang manakah betul tentang fungsi agensi dalam PBB? (M/S 199)

- A UNESCO - Menjaga kesihatan sedunia
- B FAO - Mengekalkan keadilan manusia
- C WHO - Menghantar pasukan tentera pengaman
- D UNHCR - Melindungi golongan pelarian

38. Berikut adalah rancangan yang dilancarkan melalui badan Komanwel (M/S 206)

Rancangan Colombo

Apakah manfaat yang diperolehi melalui rancangan tersebut?

- A Mendapat pengecualian cukai
- B Mendapat khidmat nasihat
- C Menjamin hak asasi manusia
- D Memperolehi bantuan ketenteraan

39. Apakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia? (M/S 226)

- A Isu pembakaran hutan
- B Isu perubahan iklim
- C Isu penyalahgunaan dadah
- D Isu keselamatan makanan

40. Maklumat berikut adalah sokongan padu rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin.

- Tabung Palestin
- Menghantar bantuan makanan

Apakah nilai yang ditunjukkan dalam usaha tersebut? (M/S 235)

- A Cinta akan negara
- B Nilai hidup bersama
- C Nilai kemanusiaan
- D Keberanian

## SEJARAH KERTAS 1 – SET 2

- 1 Sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah diperkukuhkan dengan pembentukan sistem pentadbiran yang mantap dan tersusun.

Apakah sistem pentadbiran tersebut? (M/S 8)

- A Pentadbiran wilayah
  - B Raja Berpelembagaan
  - C Pembesar Empat Lipatan
  - D Pentadbiran berpusat
- 2 Selain menaungi rakyat jelata , apakah peranan lain seorang sultan ? (M/S 12)
- A Mewujudkan perpaduan
  - B Mengutip hasil
  - C Bergotong royong
  - D Mematuhi arahan
- 3 Apakah dasar yang diperkenalkan British bagi mengembalikan kuasa Sultan, Residen dan Majlis Mesyuarat Negeri yang tercabar akibat pembentukan Negeri -negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896. (M/S 42)
- A Dasar kolonialisme
  - B Dasar pemusatan kuasa
  - C Dasar dikolonisasi
  - D Dasar desentralisasi
- 4 Apakah matlamat yang diperjuangkan oleh Jose Rizal dalam Gerakan Propaganda yang dipimpin beliau? (M/S 28)
- A Taraf hidup rakyat Filipinan dipulihkan
  - B Filipina Sebahagian Wilayah Sepanyol
  - C Melancarkan revolusi
  - D Menuntut kemerdekaan
- 5 Jadual 1 menunjukkan penglibatan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
1910	Jepun menguasai Korea
1932	Jepun menduduki Manchuria
1937	Jepun menduduki China

Mengapakah Jepun menjalankan dasar perluasan kuasa tersebut? (M/S 64)

- A Membebaskan Asia daripada penjajahan kuasa Barat
- B Memulihkan ekonomi negara Jepun
- C Membalas dendam
- D Mewujudkan orde baharu di Asia

6 Antara berikut, yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama? (M/S 59)

- I Krisis Manchuria
- II Kemuncak krisis Balkan
- III Kesan Perjanjian Versailles
- IV Kegagalan perjanjian pelucutan senjata

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Apakah nilai yang kita ambil daripada perjuangan tokoh-tokoh berikut? (M/S 112)

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Awang Rambli</li><li>❖ Morshidi Sidek</li><li>❖ Rosly Dhoby</li></ul> |
|---|

- A Baik hati
- B Kasih sayang
- C Sanggup berkorban
- D Hormat menghormati

8 British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu bermula pada 12 September 1945 setelah Jepun menyerah kalah.

Mengapakah British memperkenalkan sistem pemerintahan tersebut? (M/S 94)

- A Memulih kepercayaan rakyat
- B Memulih kegiatan ekonomi
- C Menentang musuh British
- D Menentang kekejaman Jepun

9 British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi seperti saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (M/S 133)

Apakah yang dimaksudkan dekolonisasi?

- A Penstrukturan tanah jajahan
- B Proses berkerajaan sendiri
- C Pelaksanaan kabinet bayangan
- D Penyeragaman sistem pentadbiran

10 PUTERA – AMCJA telah menganjurkan hartal pada 20 September 1947 (M/S 131)  
Apakah yang dimaksudkan dengan hartal?

- I Memberhentikan kegiatan ekonomi
- II Melancarkan protes tanpa keganasan
- III Mengadakan rapat umum di bandar
- IV Mengadakan bantahan besar-besaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Apakah ciri persamaan perjuangan tokoh berikut? (M/S 146)

- Karl Marx
  - Friedrich Engels
- A Idea kapitalis
  - B Fahaman sekularisme
  - C Semangat nasionalisme
  - D Ideologi komunisme

12

Pengisytiharaan darurat di Tanah  
Melayu  
16 Jun 1948

Nyatakan faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa tersebut? (M/S 148)

- A Pemberontakan rakyat terhadap British
- B Peperangan terbuka di Tanah Melayu
- C Pembunuhan pegawai British
- D Memelihara status quo orang Melayu

13 Mengapakah Parti United Malays Nation Organisation (UMNO) menentang Malayan Union? (M/S 154)

Mengapakah orang Melayu menerima perjanjian tersebut?

- A Membentuk kerajaan sendiri
- B Menentang kemasukan orang dagang
- C Menjayakan gagasan Melayu Raya
- D Memelihara status quo orang Melayu

- 14 Terdapat persamaan sumbangan tokoh-tokoh tersebut. Usaha yang ditunjukkan oleh mereka ialah (M/S 175)

- Dato' Onn Jaafar
- E.E C Thuraisingham
- Yong Shook Lin

- A Memupuk kerjasama kaum  
B Merupakan anggota sistem ahli  
C Menganggotai rombongan kemerdekaan  
D Melaksanakan sistem pentadbiran Barat
- 15 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu

Apakah institusi yang memainkan peranan yang sama seperti MPP pada hari ini ?  
(M/S 204)

- A Istana  
B Parlimen  
C Mahkamah  
D Kementerian
- 16 Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman dalam Kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955? (M/S 206)

- A Menteri Besar  
B Ketua Menteri  
C Yang Di Pertuan Agung  
D Pesuruhjaya Tinggi

- 17 Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman sedang diarak di Bandar Hilir , Melaka pada 20 Februari 1956.




Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada masyarakat Tanah Melayu? (M/S 219)

- A Pengumuman tamat darurat  
B Pembentukan kabinet pertama  
C Pengisytiharan Tarikh kemerdekaan  
D Pelaksanaan pilihan raya umum

- 18 Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, seseorang boleh menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu melalui (M/S 224)
- A Pewarisan
  - B Perkahwinan
  - C Percantuman wilayah
  - D Penguatkuasaan undang-undang
- 19 Antara yang berikut, yang manakah lambang negara Malaysia? (M/S 236)
- I Wau
  - II Keris
  - III Jata Negara
  - IV Lagu Kebangsaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 20 Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961. Apakah tujuan rancangan tersebut dilancarkan ? (M/S 244)
- A Memajukan sektor perindustrian
  - B Membangunkan kemudahan asas
  - C Memodenkan teknologi pertanian
  - D Menyeragamkan sistem pentadbiran

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan pandangan tokoh X tentang kedaulatan



**Rajah 1**

Siapakah tokoh X yang dimaksudkan di atas? ( M/S 5)

- A Aristotle
- B Jean Bodin
- C Ibn Khaldun
- D Tunku Abdul Rahman

22 Gambar berikut berkaitan dengan kata-kata hikmat yang diucapkan oleh Sultan Perak



Kedaulatan negara  
bergantung kepada  
warganya yang  
bersatu

- Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh baginda? ( M/S 13)
- A Rakyat hendaklah mengelakkan diri daripada persengketaan
  - B Rakyat perlu menyokong dasar kerajaan
  - C Rakyat harus berpegang kepada prinsip Rukun Negara
  - D Semua rakyat bersatu menjamin kedaulatan negara
- 23 Sebelum kedatangan kuasa Barat ke Tanah Melayu, undang-undang dan adat Melayu memainkan peranan penting dalam masyarakat.
- Apakah kepentingan undang-undang dan adat Melayu? (M/S 22)
- I Menjadi panduan kepada raja dan pemerintah
  - II Merupakan punca kuasa raja
  - III Menjamin hak rakyat
  - IV Pembesar dapat mengawal rakyat dalam kawasan masing-masing
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 24 Pada tahun 1963, satu pindaan telah dibuat pada Perlembagaan 1957. Mengapakah pindaan tersebut dilakukan? (M/S 30)
- A Pembentukan Malaysia
  - B Penubuhan Mahkamah Tinggi
  - C Memelihara kedudukan raja Melayu
  - D Menggalakkan kemajuan ekonomi Sabah dan Sarawak

25 Legasi Kesultanan Melayu Melaka diteruskan oleh kerajaan -kerajaan Melayu selepasnya

Antara berikut, kerajaan manakah yang meneruskan legasi Kesultanan Melayu Melaka secara langsung dalam pemerintahannya? (M/S 38)

- I Kerajaan Kelantan
- II Kerajaan Pahang
- III Kerajaan Johor - Riau
- IV Kerajaan Kedah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Rajah berikut berkaitan dengan pelaksanaan pengasingan kuasa dalam sistem pemerintahan Malaysia

<b>Pengasingan Kuasa</b>
• Badan Perundangan
• Badan Pelaksana
• Badan Kehakiman

Siapakah yang menjadi punca kuasa kepada ketiga-tiga badan tersebut? (M/S 52)

- A Rakyat
- B Perdana Menteri
- C Ahli Dewan Rakyat
- D Yang di-Pertuan Agong

27 Pernyataan berikut berkaitan Konfederasi Seri Menanti.

Pada tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti.

Apakah persetujuan yang berkaitan dengan konfederasi tersebut? (M/S 66)

- A Sistem pentadbiran
- B Pengukuhan kerajaan
- C Pemeliharaan kedaulatan
- D Penerimaan Residen British

28 Sistem Persekutuan di negara kita dapat beroperasi dengan berkesan kerana terdapat penyelarasan yang berkesan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. (M/S 81)

Apakah ikhtibar daripada kejayaan tersebut?

- A Kebijaksanaan pemerintah
- B Kepentingan bermusyawarah
- C Faedah kemakmuran negara
- D Peranan undang-undang yang ketat

29 Apakah kejayaan yang dicapai oleh jawatankuasa berikut? ( M/S 99)

**Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia**

- A Menaiktaraf kemudahan asas
  - B Membenteras pengaruh komunis
  - C Memperolehi sokongan rakyat
  - D Mendapat pengiktirafan penjajah
- 30 Siapakah tokoh berikut yang menganggotai Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)? (M/S 102)

- I Lord Reid
- II Lord Cobbold
- III Tunku Abdul Rahman
- IV Tun Abdul Razak Hussein

- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan strategi kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di sarawak. (M/S 121)

**Penyebaran risalah  
Pengenalan Kawasan putih  
Tawaran pengampunan**

Apakah strategi yang dimaksudkan?


- A Perang saraf
  - B Genjatan senjata
  - C Operasi ketenteraan
  - D Pengisytiharan darurat
- 32 Peristiwa rusuhan kaum berlaku pada 13Mei 1969 iaitu beberapa hari selepas Pilihan raya Umum (PRU) Ketiga. ( M/S129)

Apakah faktor yang mencetuskan rusuhan tersebut?

- I Ketidakeimbangan dalam ekonomi
- II Penipuan keputusan pilihan raya
- III Pergaduhan antara Kongsi Gelap
- IV Hasutan Parti Komunis Malaya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Rajah berikut menunjukkan hasil pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet (M/S 146)



**Rajah 2**

- Apakah X ?
- A Akta pelajaran
  - B Ordinan Pelajaran
  - C Akta Pendidikan
  - D Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- 34 Manakah antara berikut usaha DBP untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan? (M/S 149)
- I Menggubal akta
  - II Menerbitkan buku
  - III Mengadakan bulan bahasa
  - IV Menambahkan pusat keilmuan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 35 Apakah matlamat Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak pada 1974? (M/S 169)
- A Mengusahakan tanah baharu
  - B Mengembangkan pasar tani
  - C Menggalakkan pertanian kormesial
  - D Menambah keperluan makanan
- 36 Apakah peranan yang dimainkan oleh FELDA dalam membasmi kemiskinan? (M/S 170)
- A Menubuhkan koperasi
  - B Membangunkan tanah
  - C Menyediakan pinjaman
  - D Menggalakkan penternakan

37 Kerajaan berikut telah membuat hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka

- Hadharamaut
- Pegu
- Luzon

Apakah bentuk hubungan tersebut? ( M/S 194 )

- A Hubungan dua hala
- B Hubungan diplomatik
- C Hubungan perdagangan
- D Hubungan antarabangsa

38 Berikut adalah dua blok politik dunia.

- Blok Barat
- Blok Komunis

Apakah kesan daripada blok tersebut? ( M/S 197 )

- A Pembentukan PBB
- B Meletusnya Perang Dingin
- C Kedaulatan politik tercabar
- D Penubuhan UNISCO

39 Apakah pendirian Malaysia dalam isu Antartika? (M/S 239)

- A Membangunkan sumber tenaga solar
- B Dijadikan Kawasan pelancongan
- C Dibangunkan dengan kawalan PBB
- D Dijadikan warisan sejagat

40 Berikut adalah NGO yang bergerak aktif di Malaysia. (M/S 234)

- Cinta Gaza Malaysia
- Muslim Care Malaysia

Apakah persamaan badan Ngo tersebut?


- A Membantu negara Islam
- B Membantu Warga Palestin
- C Penubuhan Islam Antarabangsa
- D Menyertai pasukan pengaman

# **KERTAS 2**

## **SOALAN STRUKTUR**

**BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA**

1. Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang lengkap.



- (a) Namakan jawatan X dan Y

(i) X : .....

(ii) Y : .....

[ 2 markah ]

- (b) Berdasarkan (a) di atas, nyatakan peranannya dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- (c) Sistem pentadbiran yang teratur menjadikan Malaysia negara yang disegani dan dihormati oleh negara luar. Berikan penjelasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

(a) Nyatakan kesalahan jenayah yang menyebabkan rakyat dijatuhkan hukuman bunuh dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan peranan seorang malim dalam sebuah pelayaran dalam Kesultanan Melayu Melaka.

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(c) Terangkan peranan nakhoda dalam Undang-Undang Laut Melaka.

.....  
.....  
.....


[ 2 markah ]

(d) Mengapakah undang-undang ini penting kepada Kesultanan Melayu Melaka?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

3. Rajah ini menunjukkan hubungan timbal balik pemerintah dan rakyat wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Senaraikan mereka yang termasuk dalam golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah ]

- (b) Nyatakan peranan sultan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

- (c) Seseorang warganegara bertanggungjawab terhadap negara yang dihuninya. Berdasarkan pengetahuan am anda, jelaskan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

4. Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Hubung kait golongan pemerintah dan rakyat pada zaman ini selaras dengan konsep waadat.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan waadat?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Bagaimana rakyat membuktikan kesetiaannya kepada raja?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Dalam sesebuah negara hubungan baik antara pemerintah dan rakyat sangat diutamakan. Mengapakah hubungan tersebut penting kepada sesebuah negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

## BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Nasionalisme di Asia Tenggara berkembang daripada kesedaran memperjuangkan hak bangsa dan mendapatkan kemerdekaan. Namun begitu, nasionalisme di Thailand pula berbeza kerana lebih kepada usaha mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

(a) Namakan dua tokoh nasionalisme Thailand

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan usaha Thailand dalam melaksanakan birokrasi Barat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....


[ 4 markah ]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah pemimpin tempatan berusaha mengekalkan kemerdekaan negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2. Nasionalisme, iaitu perasaan cinta akan negara membawa maksud perasaan ingin membebaskan diri daripada penjajah.



- (a) Nyatakan X dan Y

(i) X : .....

(ii) Y : .....

[ 2 markah ]

- (b) Jelaskan salah satu faktor di (a).

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

- (c) Berdasarkan pemerhatian anda, jelaskan kejayaan yang dicapai oleh negara kita hasil daripada semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

3. Kemunculan mesin cetak telah mendorong perkembangan pesat pencetakan media massa seperti akhbar dan majalah sehingga menyemarakkan semangat nasionalisme di Asia Tenggara.

(a) Senaraikan dua akhbar yang digunakan untuk menggerakkan nasionalisme di Tanah Melayu.

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah para nasionalis menggunakan akhbar dalam menyebarkan idea nasionalisme?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Setujukah anda, kebebasan akhbar pada masa kini harus dikawal? Berikan alasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

**BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

1. Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah bekerjasama dengan Jepun dan berharap mendapat kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

(a) Bagaimanakah reaksi Jepun terhadap KMM pada peringkat awal?

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah ]

(b) Jelaskan mengenai Giyu Gun?

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah ]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah KMM gagal dalam perjuangan politiknya?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

2. Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.

(a) Nyatakan dua sebab Jepun menyerang Tanah Melayu.

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

(b) Bagaimanakah pendudukan Jepun membawa perkembangan nasionalisme di negara kita?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun memberi iktibar kepada kita untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman luar. Berikan pendapat anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

3. Kelewatan pendaratan semula tentera British menyebabkan wujud kekosongan kuasa politik. Kesempatan ini digunakan oleh Bintang Tiga mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu.

(a) Bagaimanakah Bintang Tiga mentadbir Tanah Melayu?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Dasar pendudukan Jepun menimbulkan pelbagai kesan kepada rakyat Tanah Melayu. Apakah kesan positif yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Pada pandangan anda, sebagai generasi muda pada hari ini, apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

**BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA**

1. Selepas Perang Dunia Kedua, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Penyerahan ini mendapat tentangan hebat daripada penduduk tempatan.

(a) Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Kemuncak penentangan Sarawak ialah pembunuhan Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang kedua oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13.

Pada pendapat anda, wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13 tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2. Pada 1 Julai 1946, upacara penyerahan Sarawak kepada British telah berlangsung di hadapan bangunan Mahkamah Pangkalan Batu, Kuching. Peristiwa ini memberi kesedaran dan membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan.

(a) Senaraikan tokoh tempatan di Sarawak yang terlibat dengan gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British.

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah masyarakat Sarawak mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

(c) Apakah iktibar yang anda peroleh daripada peristiwa penentangan rakyat di Sarawak?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

3. Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak diserahkan kepada Kerajaan British. Penyerahan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan.

(a) Mengapakah penyerahan tersebut berlaku?

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

(b) Penyerahan Sarawak mencetuskan dua reaksi yang berbeza daripada penduduk Sarawak

( i ) Mengapakah penduduk Sarawak menentang penyerahan tersebut?

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

( ii ) Apakah faktor penerimaan penduduk terhadap penyerahan Sarawak?

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

(c) Sekiranya anda sebagai pemimpin pada waktu itu, bagaimanakah anda menentang penyerahan Sarawak kepada British?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

4. Selepas tentera Jepun menyerah kalah, British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Sabah. BMA berusaha untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri

(a) Mengapakah British berminat meneruskan dasar menguasai Sabah?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Nyatakan dua persatuan yang bergerak aktif di Sabah dalam usaha membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan penduduk

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

(c) Bagaimanakah cara British mengekang perluasan pengaruh gerakan nasionalisme dalam kalangan pemimpin persatuan di Sabah?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(d) Penyerahan Sabah kepada British kurang mendapat tentangan atau bantahan dalam kalangan penduduk tempatan di Sabah? Pada pandangan anda, mengapa ini berlaku?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

5. Selepas Perang Dunia Kedua, Sabah diserahkan British oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dan penyerahan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk.

(a) Nyatakan faktor SBUB menyerahkan Sabah kepada British

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan ini.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Andaikan anda sebagai pemimpin negara, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempertahankan kedaulatan negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

**BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

1. Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948  
Tarikh : 21 Januari 1948  
Lokasi : King's House Kuala Lumpur

- (a) Nyatakan faktor-faktor yang telah menyumbang kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

- (b) Siapakah Pegawai British yang membantu dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan mengapakah mereka berbuat sedemikian?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

2. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 adalah lambang kejayaan perjuangan orang-orang Melayu mempertahankan maruah bangsa dan negara.

(a) Nyatakan dua cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

3. Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(a) Nyatakan dua faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

(b) Terangkan usaha yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

(c) Huraikan sokongan pentadbir British yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

4. Gambar di bawah menunjukkan Raja-raja Melayu dan para pembesar selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 di Kuala Lumpur.



- (a) Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah ]

- (b) Jelaskan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah ]

- (c) Nyatakan nilai patriotisme yang diperoleh daripada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

5. Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk secara rasmi pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union (MU).

(a) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 diterima dengan hati terbuka oleh Raja-raja Melayu?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

(b) Penubuhan PTM 1948 telah memberi kesan kepada penduduk Tanah Melayu. Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

(c) Sebagai warganegara yang prihatin, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan kita sentiasa menjadi rakyat yang taat dan setia kepada negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

6. Persidangan Majlis Raja-raja Melayu pada 15 Febuari 1948 diadakan setelah Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Mengapakah penubuhan PTM 1948 ini dikatakan telah mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu?

.....

.....

.....

[ 2 markah ]

(b) Persekutuan Tanah Melayu telah memberi banyak kebaikan kepada orang Melayu. Buktikan.?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

(c) Terangkan kerjasama kaum yang berlaku melalui penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

## BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT

1.



Komunisme ialah suatu fahaman politik yang disebar di negara kita oleh Parti Komunis Malaya (PKM) sejak tahun 1930-an.

(a) Nyatakan dua buah negara yang terlibat dengan penyebaran fahaman komunis pada era 1920-an di Tanah Melayu.

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

(b) Bincangkan kemasukan pengaruh komunis di negara kita.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Terangkan kesan tindakan komunis terhadap negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2.

Serangan hendap gerombolan pengganas Komunis itu menyebabkan kecederaan parah sehingga tali perut saya terburai.  
Tragedi Mong Gajah 1974 Zainal Abiddin Abdullah ( RAMD )

Petikan di atas adalah sebahagian daripada kekejaman Komunis di negara kita

(a) Berikan dua strategi dalam perjuangan Komunis.

---

---

---

[ 2 markah ]

(b) Apakah kesan terhadap kehidupan masyarakat setempat akibat tindakan Komunis di (a) ?

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

(c) Jika anda hidup pada zaman tersebut, cadangkan langkah-langkah untuk membanteras Komunis.

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

3. Peristiwa darurat di Tanah Melayu merupakan persengketaan antara Parti Komunis Malaya dan kerajaan British di Tanah Melayu yang berlangsung selama 12 tahun sehinggalah ditamatkan pada 31 Julai 1960.

(a) Jelaskan kesan darurat terhadap aspek politik negara kita.

---

---

---

---

[ 3 markah ]

(b) Jelaskan kesan darurat terhadap aspek sosioekonomi penduduk tempatan.

---

---

---

---

---

[ 3 markah ]

(c) Perjuangan menentang Komunis dan peristiwa darurat membawa kesengsaraan kepada kehidupan rakyat selama 12 tahun. Oleh itu, bagaimanakah kita dapat mengelakkan tragedi tersebut berulang ?

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

## BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

- 1 . Pernyataan di bawah berkaitan Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama pelbagai kaum di Tanah Melayu.

- (a) Namakan **dua** kaum terbesar yang menyertai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (*Communities Liaison Committee*) pada awal penubuhannya.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

- (b) Jelaskan matlamat penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ( CLC ) kepada pentadbiran di Tanah Melayu pada tahun 1949.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

- (c) Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ( CLC ) telah menjadi pemangkin ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Uraikan pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

2

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum

(a) Senaraikan tiga anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

[ 3 markah ]

(b) Jelaskan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah ]

(c) Terdapat pelbagai isu yang diselesaikan oleh CLC termasuk isu politik, kedudukan ekonomi orang Melayu dan pendidikan. Pada pendapat anda, mengapakah pendidikan sangat penting untuk mencapai perpaduan antara kaum.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

3. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 merupakan perundingan antara pemimpin pelbagai kaum ke arah membentuk perpaduan bagi mencapai kemerdekaan.

(a) Namakan tokoh yang menganggotai CLC mewakili kaum berikut

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(b) Mengapakah CLC ditubuhkan?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

a) Apakah pembaharuan pemerintah Thailand yang membolehkan negara tersebut mengekalkan kemerdekaanya?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

b) Bagaimanakah pemerintahan Raja Vajiravudh telah menyebabkan kemunculan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat di Thailand?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

c) Kewibawaan pemimpin dalam sesebuah negara mampu mengelakkan penjajahan asing.

Berikan ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1955 selepas pilihan raya umum.

a) Namakan **dua** tokoh tempatan yang dipilih menyertai kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

b) Jelaskan peranan kabinet pertama tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

c) Mengapakah kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dikatakan berjaya memupuk perpaduan antara kaum di negara kita?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**3** Pemerintah dan rakyat memainkan peranan yang penting bagi mempertahankan kedaulatan negara.

a) Jelaskan peranan pemerintah bagi mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

b) Bagaimanakah rakyat membantu kerajaan mengukuhkan pertahanan negara?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

c) Berikan cadangan anda dalam menghargai pengorbanan para pejuang dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Penglibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam politik, ekonomi dan sosial.

a) Nyatakan sejarah penubuhan ASEAN.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

b) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam ASEAN.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

c) Bagaimanakah Malaysia mendepani cabaran politik serantau?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Bahagian B**  
Jawab **tiga** soalan  
(60 *markah*)

5 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi bagi menggantikan Malayan Union.

(a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu berikut.

i) Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO. [3 *markah*]

ii) Penentangan orang Melayu. [3 *markah*]

(b) Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 *markah*]

(c) Petikan berkaitan tentang cabaran dalam generasi kini.

BANGI, 25 September 2016 – Cabaran arus perdana memerlukan generasi muda yang benar-benar berilmu, berbudaya cemerlang, bertanggungjawab, berwawasan, berdisiplin dan mempunyai daya ketahanan yang kental serta bersemangat waja dalam melaksanakan agenda negara.

Sumber : [https://www.ukm.my/news/Latest\\_News/negara-memerlukan-generasi-muda-berilmu-dan-bersemangat-waja](https://www.ukm.my/news/Latest_News/negara-memerlukan-generasi-muda-berilmu-dan-bersemangat-waja)

Ulasikan kepentingan bersemangat waja dalam perjuangan. [8 *markah*]

6 Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan sendiri bentuk dan hala tuju negara tanpa pengaruh luar.

(a) Jelaskan kesan kemerdekaan dari segi politik di negara kita. [6 *markah*]

(b) Terangkan tumpuan kerajaan dalam pembangunan sosial selepas mencapai kemerdekaan. [6 *markah*]

(c) Bagaimanakah sumbangan yang boleh anda lakukan untuk mengekalkan kemerdekaan negara? [8 *markah*]

7 Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**  
**Bahagian IV**  
**PERSEKUTUAN**  
Bab 1-Ketua Utama Negara Perkara  
32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya  
(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

- (a) Apakah maksud Yang Dipertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan? [4 markah]
- (b) Jelaskan peranan Yang Dipertuan Agong dalam sistem pemerintahan Malaysia? [8 markah]
- (c) Bagaimanakah kita sebagai rakyat Malaysia menunjukkan rasa kecintaan dan taat setia kepada Institusi Raja Berperlembagaan? [8 markah]

8 Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke -19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pegawai British mahu menggabungkan tanah jajahan di Asia Tenggara? [4 markah]
- (b) Terangkan usaha-usaha merealisasikan pembentukan Malaysia. [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah kebaikan pembentukan Malaysia kepada rakyat pada masa ini? [8 markah]

9 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN) telah membawa kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk.

- (a) Terangkan sumbangan pelaksanaan DEB dan DPN dari aspek sosial. [4 markah]
- (b) Jelaskan kejayaan DEB dan DPN dari segi pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia. [8 markah]
- (c) Usaha membasmi kemiskinan bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, tetapi setiap individu perlu berusaha untuk keluar daripada belunggu kemiskinan.

Bagaimanakah usaha tersebut dapat direalisasikan oleh setiap individu pada masa kini? Berikan penjelasan anda [8 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

**PERATURAN PEMARKAHAN MODUL MoKISS SEJARAH 2022/23**

**JAWAPAN KERTAS 1  
SET 1  
MODUL MoKISS SEJARAH 2022/23**

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	<b>A</b>	21	<b>C</b>
2	<b>B</b>	22	<b>B</b>
3	<b>C</b>	23	<b>C</b>
4	<b>D</b>	24	<b>D</b>
5	<b>C</b>	25	<b>B</b>
6	<b>D</b>	26	<b>B</b>
7	<b>B</b>	27	<b>B</b>
8	<b>A</b>	28	<b>B</b>
9	<b>B</b>	29	<b>A</b>
10	<b>A</b>	30	<b>D</b>
11	<b>D</b>	31	<b>D</b>
12	<b>C</b>	32	<b>C</b>
13	<b>D</b>	33	<b>C</b>
14	<b>A</b>	34	<b>B</b>
15	<b>A</b>	35	<b>D</b>
16	<b>D</b>	36	<b>D</b>
17	<b>A</b>	37	<b>D</b>
18	<b>C</b>	38	<b>B</b>
19	<b>C</b>	39	<b>C</b>
20	<b>D</b>	40	<b>C</b>

**JAWAPAN KERTAS 1  
SET 2  
MODUL MoKISS SEJARAH 2022/23**

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	<b>C</b>	21	<b>D</b>
2	<b>A</b>	22	<b>D</b>
3	<b>D</b>	23	<b>B</b>
4	<b>B</b>	24	<b>A</b>
5	<b>D</b>	25	<b>C</b>
6	<b>B</b>	26	<b>D</b>
7	<b>C</b>	27	<b>D</b>
8	<b>A</b>	28	<b>B</b>
9	<b>B</b>	29	<b>C</b>
10	<b>D</b>	30	<b>B</b>
11	<b>B</b>	31	<b>A</b>
12	<b>A</b>	32	<b>B</b>
13	<b>C</b>	33	<b>D</b>
14	<b>D</b>	34	<b>C</b>
15	<b>B</b>	35	<b>D</b>
16	<b>B</b>	36	<b>B</b>
17	<b>C</b>	37	<b>C</b>
18	<b>D</b>	38	<b>B</b>
19	<b>D</b>	39	<b>D</b>
20	<b>B</b>	40	<b>B</b>

**PERATURAN PEMARKAHAN MODUL  
MoKISS SEJARAH 2022/23**

**KERTAS 2  
(SOALAN STRUKTUR)**

**BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA**

1(a)	Apakah X dan Y	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	X : Penghulu Bendahari	1
F2	Y : Laksamana	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 8 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

1(b)	Berdasarkan (a) di atas, nyatakan peranannya dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	<b>Penghulu Bendahari</b>	
F1	Memungut hasil atau ufti	1
F2	Ketua segala bendahari	1
F3	Ketua urusetia istana	1
F4	Ketua segala syahbandar	1
	[ mana-mana 2 x 1m ]	[ 2m ]
	<b>Laksamana</b>	
F1	Ketua Angkatan laut	1
F2	Pengawal peribadi sultan	1
F3	Ketua duta	1
F4	Mengetuai utusan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 9 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

1(c)	Sistem pentadbiran yang teratur menjadikan Malaysia negara yang disegani dan dihormati oleh negara luar. Berikan penjelasan anda.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen	1
F2	Raja Berperlembagaan	1
F3	Terdapat Dewan Rakyat / Dewan Negara	1
F4	Kesan - Politik stabil	1
F5	Rakyat memilih pemimpin negara	1
F6	Melalui pilihanraya	1
F7	Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri	1
F8	Kesan rakyat diberi hak membentuk kerajaan	1
F9	Mengamalkan sistem Persekutuan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

2(a)	Nyatakan kesalahan jenayah yang menyebabkan rakyat dijatuhkan hukuman bunuh dalam Kesultanan Melayu Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Ingkar arahan sultan	1
F2	Memalsukan titah sultan	1
F3	Membunuh orang lain tanpa pengetahuan Raja atau pembesar	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 10 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(b)	Jelaskan peranan seorang malim dalam sebuah pelayaran dalam Kesultanan Melayu Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Arif tentang ilmu pelayaran	1
F2	Mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan bintang	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 11 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(c)	Terangkan peranan nakhoda dalam Undang-Undang Laut Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran / berkuasa penuh	1
F2	Perlu bermesyuarat jika ingin singgah di suatu tempat yang tiada dalam senarai	1
F3	Segala arahannya perlu dipatuhi oleh anak kapal	1
F4	Diberi keutamaan berniaga selama empat hari	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 11 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(d)	Mengapakah undang-undang ini penting kepada Kesultanan Melayu Melaka?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Lambang keagungan kerajaan	1
H1a	Mempunyai undang-undang / peraturan yang lengkap	1
H1b	Mewujudkan negara yang aman	1
F2	Ekonomi dapat dimajukan	1
F3	Rakyat bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing berdasarkan peruntukan undang-undang	1
F4	Melahirkan rakyat yang setia kepada negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(a)	Senaraikan mereka yang termasuk dalam golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Sultan	1
F2	Pembesar	1
F3	Kerabat raja	1
F4	Ulama	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 12 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(b)	Nyatakan peranan sultan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat	1
F2	Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat	1
F3	Mewujudkan perpaduan rakyat	1
F4	Menjaga kemakmuran	1
F5	Menjaga kestabilan kerajaan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 12 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(c)	Seseorang warganegara bertanggungjawab terhadap negara yang dihuninya. Berdasarkan pengetahuan sejarah dan am anda, jelaskan pernyataan tersebut.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Taat dan setia kepada pemerintah	1
F2	Menjamin kesejahteraan dan keamanan negara	1
F3	Menyumbang tenaga menjadi tentera dan polis	1
F4	Kedaulatan negara dapat dipertahankan	1
F5	Memajukan negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	1
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

4(a)	Apakah yang dimaksudkan dengan waadat?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Bermaksud perjanjian	1
F2	Perjanjian yang dilakukan antara Demang Lebar Daun yang mewakili golongan diperintah dengan Sang Sapurba mewakili golongan pemerintah	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 13 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

4(b)	Bagaimana rakyat membuktikan kesetiaannya kepada raja?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mematuhi arahan pemerintah	1
F2	Tidak menderhaka	1
F3	Menjadi tentera	1
F4	Menghadiri majlis umum	1
F5	Gotong-royong	1
F6	Menjadi pengayuh / pendayung kapal perang	1
F7	Menyumbangkan tenaga kerja / sistem serah	1
F8	Membina istana / jalan	1
F9	Menyerahkan hasil / sistem serah	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 13 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

4(c)	Dalam sesebuah negara hubungan baik antara pemerintah dan rakyat sangat diutamakan. Mengapakah hubungan tersebut penting kepada sesebuah negara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengukuhkan pemerintahan sesebuah kerajaan	1
F2	Membawa kegemilangan kerajaan	1
F3	Menjamin kesejahteraan rakyat	1
F4	Memelihara kedaulatan raja	1
F5	Mengekalkan kemajuan / keamanan negara	1
F6	Mengukuhkan kelangsungan ciri-ciri negara bangsa sehingga kini	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

## BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1(a)	Namakan dua tokoh nasionalisme Thailand	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Raja Mongkut	1
F2	Raja Chulalongkorn	1
F3	Nai Pridi Phanomyong	1
F4	Field Marshal Phibulsongkram	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 31 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

1(b)	Jelaskan usaha Thailand dalam melaksanakan birokrasi Barat.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Raja Mongkut membawa masuk 80 orang penasihat Barat	1
H1	Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain / Penasihat kastam dari Amerika / Penasihat ketenteraan dari Perancis	1
F2	Guru dari Barat	1
H2	Melaksanakan sistem pendidikan Barat	1
F3	Menukar sistem beraja mutlak kepada sistem raja berpelembagaan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 31 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

1(c)	Pada pendapat anda, mengapakah pemimpin tempatan berusaha mengekalkan kemerdekaan negara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Memastikan politik negara stabil	1
H1	supaya negara kekal aman	1
H2	dan negara kekal berdaulat	1
H3	Imej negara meningkat	1
F2	Ekonomi negara maju	1
H1	membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
H2	Taraf hidup rakyat meningkat	1
F3	Rakyat hidup bersatu-padu	1
H1	Saling hormat-menghormati	1
H2	Masyarakat hidup harmoni	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(a)	Nyatakan X dan Y	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penulisan Kreatif	1
F2	Media cetak	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 35 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(b)	Jelaskan salah satu faktor di (a).	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	<b>Penulisan Kreatif</b>	
F1	Novel / cerpen / puisi tentang keperitan hidup bangsa / penderitaan rakyat	1
F2	Menaikkan semangat rakyat memahami realiti hidup di bawah penjajah	1
F3	Karya Melor Kuala Lumpur (Harun Aminurrashid) / cerpen Cerita Awang Putat (Abdul Rahim Kajai)	1
F4	Menyindir penjajah / mengingatkan anak bangsa nikmat kebebasan	1
	<b>Media Cetak</b>	1
F5	Akhbar/ Majalah menyalurkan maklumat / penyebar berita	1
F6	Akhbar terawal Jawi Peranakan menegur campur tangan British dalam agama Islam / isu Bahasa Melayu	1
F7	Akhbar Sekolah Melayu menjadi bahan pembacaan di sekolah Melayu	1
F8	Al-Imam / Neracha / Pengasuh memuatkan idea pembaharuan	1
F9	Akhbar Fajar Sarawak diterajui intelek Melayu / mengkritik dasar Brooke mengabaikan hak bumiputera Sarawak	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 34-35 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(c)	Berdasarkan pemerhatian anda, jelaskan kejayaan yang dicapai oleh negara kita hasil daripada semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Politik negara dalam keadaan stabil	1
H1	negara sentiasa aman	1
H2	dan negara kekal berdaulat	1
H3	Imej negara meningkat	1
F2	Ekonomi negara maju	1
H1	membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
H2	Taraf hidup rakyat meningkat	1
F3	Rakyat hidup bersatu-padu	1
H1	Saling hormat-menghormati	1
H2	Masyarakat hidup harmoni	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(a)	Senaraikan dua akhbar yang digunakan untuk menggerakkan nasionalisme di Tanah Melayu	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Utusan Melayu	1
F2	Lembaga Melayu	1
F3	Warta Malaya	1
F4	Majlis	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 38 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(b)	Pada pendapat anda, mengapakah para nasionalis menggunakan akhbar dalam menyebarkan idea nasionalisme?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengancam kepentingan politik penjajah	1
H1	Akhbar mendedahkan kelemahan pentadbiran	1
H2	Tidak mentadbir seperti negara sendiri	1
H3	Melaksanakan dasar politik lebih kepada mengeksploitasi ekonomi	1
H4	Laporan berita mampu membangkitkan kemarahan rakyat / menimbulkan tentangan	1
H5	Menjejaskan pengaruh penjajah / sukar kawal rakyat / negara huru-hara / ekonomi terjejas	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(c)	Setujukah anda, kebebasan akhbar pada masa kini harus dikawal? Berikan ulasan anda.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>Setuju</b>		
F1	Supaya politik negara kekal stabil	1
H1	negara sentiasa aman	1
H2	dan negara kekal berdaulat	1
H3	Imej negara meningkat	1
F2	Ekonomi negara maju	1
H1	membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
H2	Taraf hidup rakyat meningkat	1
F3	Rakyat hidup bersatu-padu	1
H1	Saling hormat-menghormati	1
H2	Masyarakat hidup harmoni	1
	Mana-mana jawapan munasabah	1
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>
<b>Tidak Setuju</b>		
F1	Supaya politik negara kekal stabil	1
H1	negara sentiasa aman	1
H2	dan negara kekal berdaulat	1
H3	Imej negara meningkat	1
F2	Ekonomi negara maju	1
H1	membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1

H2	Taraf hidup rakyat meningkat	1
F3	Rakyat hidup bersatu-padu	1
H1	Saling hormat-menghormati	1
H2	Masyarakat hidup harmoni	1
	Mana-mana jawapan munasabah	1
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

### BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1(a)	Bagaimanakah reaksi Jepun terhadap KMM pada peringkat awal?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British	1
F2	Pentadbiran tentera Jepun memberikan ruang kepada kegiatan politik KMM	1
F3	Jepun memerlukan sokongan masyarakat tempatan	1
F4	Pada bulan Jun 1942, tentera Jepun membubarkan KMM	1
F5	Pembubaran berlaku kerana tindakan pemimpin menuntut kemerdekaan daripada Jepun	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 80 [ 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

1(b)	Jelaskan mengenai Giyu Gun?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Giyu Gun atau Pembela Tanah Air	1
F2	Ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan oleh Jepun	1
F3	Untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu	1
F4	Ibrahim Haji Yaakob mengetuai Giyu Gun	1
F5	Sebagai Leftenan Kolonel	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 80 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

1(c)	Pada pandangan anda, mengapakah KMM gagal dalam perjuangan politiknya?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penangkapan Ibrahim Haji Yaakob	1
F2	Penangkapan 150 orang penyokong KMM	1
F3	Ibrahim Haji Yaakob dan penyokong dipenjarakan	1
F4	Kekalahan Jepun secara mendadak	1
F5	British menguasai Tanah Melayu semula	1
F6	Sistem ketenteraan British lebih maju	1
F7	Kurang mendapat sokongan daripada rakyat Tanah Melayu	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

2(a)	Nyatakan dua sebab Jepun menyerang Tanah Melayu.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mendapatkan bahan mentah	1
F2	Mendapatkan pasaran	1
F3	Mengembangkan perindustrian	1
F4	Mengurangkan kebergantungan kepada Barat	1
F5	Menentang imperialisme Barat	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 68 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(b)	Bagaimanakah pendudukan Jepun membawa perkembangan nasionalisme di negara kita?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Semangat daripada konsep Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya / Asia Untuk Asia	1
F2	Menekankan kebebasan negara Asia	1
F3	Kerjasama KMM dengan Jepun mengharapkan kemerdekaan	1
F4	Memberi inspirasi orang Asia boleh mengalahkan orang Eropah	1
F5	Menyedari Jepun tidak akan memberi kemerdekaan	1
F6	Melalui Giyu Gun dan Giya Tai menentang Jepun	1
F7	Menubuhkan KRIS untuk merdeka bersama Indonesia	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 80 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(c)	Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun memberi iktibar kepada kita untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman luar. Berikan pendapat anda.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Kedaulatan negara tanggungjawab rakyat	1
F2	Tidak bergantung kepada kuasa luar untuk membantu	1
H2	Kuasa luar hanya untuk menjajah dan mengeksploitasi kekayaan negara	1
C2	Contoh British dan Jepun	1
F3	Jepun tidak menepati janji untuk memberi kemerdekaan sebaliknya rakyat sengsara daripada kekejaman Jepun	1
F4	British memanipulasi hasil timah dan getah negara	1
H4	Untuk membiayai operasi perang	1
F5	Rakyat yang setia akan menjadi benteng kukuh bagi mempertahankan kemerdekaan negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(a)	Bagaimanakah Bintang Tiga mentadbir Tanah Melayu?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Undang-undang sendiri	1
F2	Menyiksa atau membunuh anggota polis, askar, pegawai daerah dan pasukan sukarelawan Melayu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 84 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(b)	Dasar pendudukan Jepun menimbulkan pelbagai kesan kepada rakyat Tanah Melayu. Apakah kesan positif yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menyemarakkan semangat rakyat untuk membebaskan negara daripada penjajahan	1
F2	Memberi peluang dan pengalaman mentadbir	1
F3	Memupuk ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran hidup	1
F4	Memperoleh keberanian dan keyakinan untuk menghadapi kekejaman pentadbiran tentera Jepun	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana- mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(c)	Pada pandangan anda, sebagai generasi muda pada hari ini, apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Tidak mudah mempercayai perjuangan yang dibawa oleh penjajah	1
F2	Masyarakat Tanah Melayu telah ditipu oleh Jepun	1
F3	Membangkitkan semangat cinta akan negara	1
F4	Menjaga kedaulatan negara	1
F5	Kita perlu belajar dari kesilapan lalu	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

#### BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1.	Selepas Perang Dunia Kedua, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British. Penyerahan ini mendapat tentangan hebat daripada penduduk tempatan.	
1(a)	Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Desakan daripada kerajaan British	1
F2	Masalah kewangan	1
F3	Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula negeri Sarawak	1
F4	Masalah pewarisan takhta	1
F5	Tidak mempunyai anak lelaki / sudah tua uzur	1
F6	Enggan melantik anak saudaranya untuk menggantikannya	1
	<b>Rujuk Buku Teks ting 4. ms 107 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

1(b)	Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941	1
H1a	Prinsip kelapan dalam Perlembagaan 1941 menjanjikan pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak	1
H1b	Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri	1
H1c	Tindakan ini telah menafikan hak rakyat untuk mendapatkan pemerintahan sendiri	1
F2	Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke	1
H2a	Vyner Brooke membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke)	1
F3	Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat	1
H3a	Seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan kepada ketua tempatan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 109 - 112 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

1(c)	Kemuncak penentangan Sarawak ialah pembunuhan Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang kedua oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13.  Pada pendapat anda, wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13 tersebut?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	<b>Wajar</b>	1
F1	Penyerahan Sarawak bertentangan dengan Perlembagaan 1941	1
F2	British menafikan hak rakyat untuk memerintah sendiri	1
F3	Melambatkan usaha ke arah kemerdekaan	1
F4	Rakyat akan terus hidup menderita dan ditindas	1
F5	Kedaulatan tercabar, hasil bumi dikuasai British	1
F6	Rundingan secara aman gagal	1
	<b>Tidak wajar</b>	
F1	Menyelesaikan masalah dengan kekerasan	1
F2	Bertentangan dengan norma kehidupan	1

F3	Membawa kesan yang buruk kepada diri dan orang sekeliling	1
F4	Beliau dan rakan ditangkap, dijatuhi hukuman mati	1
F5	Perjuangannya terhenti	1
F6	Rakyat menjadi takut	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

2(a)	Senaraikan tokoh tempatan di Sarawak yang terlibat dengan gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Johari Anang	1
F2	Sharkawi Osman	1
F3	Datu Patinggi Abang Haji Abdillah	1
F4	Cikgu Lily Eberwein	1
F5	Hajah Sipah Tuanku Othman	1
F6	Dayang Fauziah	1
F7	Cikgu Adibah Aboi	1
F8	Awang Rambli	1
F9	Morshidi Sidek	1
F10	Bujang Suntong	1
F11	Rosli Dhoby	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 110 – 112</b> [ mana-mana 2 x 1m ]	[ 2m ]

2(b)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah masyarakat Sarawak mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengadakan persidangan	1
F2	Mengadakan demonstrasi	1
F3	Meletakkan jawatan beramai-ramai	1
F4	Bantahan golongan wanita	1
F5	Menggunakan akhbar	1
F6	Menulis surat bantahan	1
F7	Menubuhkan Rukun 13	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 110 - 112</b> [ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

2(c)	Apakah iktibar yang anda peroleh daripada peristiwa penentangan rakyat di Sarawak?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pemimpin perlu berani menentang penjajah	1
F2	Rakyat perlu menghargai kestabilan dan kemakmuran negara	1
F3	Rakyat perlu mengukuhkan perpaduan	1
F4	Pemimpin bersedia untuk mempertahankan negara	1
F5	Merangka perancangan yang strategik	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

3.	Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak diserahkan kepada kerajaan British. Penyerahan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan.	
3(a)	Mengapakah penyerahan tersebut berlaku?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Desakan daripada kerajaan British	1
F2	Masalah kewangan	1
F3	Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula negeri Sarawak	1
F4	Masalah pewarisan takhta	1
F5	Tidak mempunyai anak lelaki / sudah tua / uzur	1
F6	Enggan melantik anak saudaranya untuk menggantikannya	1
	<b>Rujuk Buku Teks ting 4. ms 107 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(b)	Penyerahan Sarawak mencetuskan dua reaksi yang berbeza daripada penduduk Sarawak	
(i)	Mengapakah penduduk Sarawak menentang penyerahan tersebut?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941	1
H1a	Prinsip kelapan dalam Perlembagaan 1941 menjanjikan pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak	1
H1b	Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri	1
H1c	Tindakan ini telah menafikan hak rakyat untuk mendapatkan pemerintahan sendiri	1
F2	Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke	1
H2a	Vyner Brooke membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke)	1
F3	Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat	1
H3a	Seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan kepada ketua tempatan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 109 - 112 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

(ii)	Apakah faktor penerimaan penduduk terhadap penyerahan Sarawak?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Memajukan negeri	1
H1a	Dalam pelbagai aspek seperti politik / perhubungan / pertanian / meningkatkan taraf hidup rakyat	1
F2	Memajukan penduduk tempatan	1
H2a	Young Malay Association (YMA) menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam ekonomi dan sosial	1
H2b	Membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan	1
H2c	YMA menjurus dalam bidang pelajaran / agama / sukan	1
F3	Memberi peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam	1
H3a	Ramai golongan intelektual di Sarawak diberi peluang mengisi jawatan tinggi	1
H3b	Seperti peguam / doktor / jurutera	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 113 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(c)	Sekiranya anda sebagai pemimpin pada waktu itu, bagaimanakah anda menentang penyerahan Sarawak kepada British?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Melancarkan demonstrasi secara besar-besaran	1
F2	Menyatukan semua kaum menentang penyerahan	1
F3	Menggunakan akhbar dan majalah	1
F4	Menyeru semua pemimpin tempatan dan penduduk menentang penyerahan	1
F5	Mengadakan perhimpunan perwakilan dari seluruh Sarawak	1
F6	Mengadakan bantahan secara terbuka kepada ahli parlimen British	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

4.	Selepas tentera Jepun menyerah kalah, British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Sabah. BMA berusaha untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri	
4(a)	Mengapakah British berminat meneruskan dasar menguasai Sabah?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Sabah berpotensi menggantikan tanah jajahan British yang telah diberikan kemerdekaan awal	1
F2	Sabah dapat membekalkan sumber bahan mentah	1
F3	Pasaran bagi barangan British	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 114-115</b> [ mana-mana 2 x 1m ]	[ 2m ]

4(b)	Nyatakan dua persatuan yang bergerak aktif di Sabah dalam usaha membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan penduduk	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Persaudaraan Sahabat Pena Sabah ( PASPAS )	1
F2	Persatuan Kebangsaan Melayu	1
F3	Barisan Pemuda Sabah ( BARIP )	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 116</b> [ mana-mana 2 x 1m ]	[ 2m ]

4(c)	Bagaimanakah cara British mengekang perluasan pengaruh gerakan nasionalisme dalam kalangan pemimpin persatuan di Sabah?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menawarkan jawatan dan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan	1
F2	Memindahkan ahli dan pemimpin aktif ke bandar lain	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 116</b> [ 2 x 1m ]	[ 2m ]

4(d)	Penyerahan Sabah kepada British kurang mendapat tentangan atau bantahan dalam kalangan penduduk tempatan di Sabah? Pada pandangan anda, mengapa ini berlaku?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Kurang persatuan	1
F2	Kepelbagaian etnik yang berbeza menyukarkan pemimpin untuk menghimpunkan semua dalam pertubuhan / persatuan	1
F3	Usaha British melumpuhkan pengaruh persatuan dengan menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan	1
F4	Dan memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif ke bandar lain	1
F5	Kekurangan kewangan	1
F6	Kurang pemimpin yang berwibawa / berkebolehan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 4 x 1m ]	[ 4m ]

5.	Selepas Perang Dunia Kedua, Sabah diserahkan British oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dan penyerahan ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk.	
5(a)	Nyatakan faktor SBUB menyerahkan Sabah kepada British	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Memenuhi kepentingan British	1
F2	Sabah berpotensi menggantikan jajahan yang dilepaskan British seperti Sri Lanka / India / Burma	1
F3	Sabah banyak bahan mentah	1
F4	Kawasan pasaran bagi British	1
F5	Meneruskan dasar British dalam hubungan luar selepas SBUB	1
F6	Semasa SBUB, Sabah menjadi negeri naungan British	1
F7	British menguasai hubungan luar / pertahanan semasa SBUB dan perlu diteruskan	1
F8	Masalah kewangan SBUB	1
F9	Kos yang besar selepas Perang Dunia Kedua	1
F10	Tidak mampu ditanggung SBUB untuk membangunkan Sabah	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 114 - 115 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

5(b)	Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan ini.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Bersifat sederhana	1
F2	Terdiri daripada pelbagai etnik yang berbeza bahasa, budaya dan kepercayaan, petempatan dan kegiatan ekonomi	1
F3	Sukar menghimpunkan semua etnik dalam satu pertubuhan	1
F4	Dasar British yang menindas kegiatan berpersatuan	1
F5	British menawarkan jawatan / kenaikan pangkat kepada ahli persatuan yang aktif	1
F6	Memindahkan ahli persatuan yang aktif ke bandar lain	1
F7	Kegiatan berpersatuan menjadi lemah kerana masalah kewangan	1
F8	Dan kekurangan pemimpin yang berkebolehan	1
F9	Penyerahan Sabah tidak mendapat sebarang bantahan kerana penduduk tidak memahami tujuan penyerahan tersebut	1

F10	British melumpuhkan gerakan nasionalisme secara halus	1
F11	Orang tempatan anggap kedatangan British membuka peluang untuk melibatkan diri dalam pentadbiran	1
F12	Boleh memajukan perniagaan dan meluaskan perdagangan	1
F13	Membangunkan negeri Sabah selepas perang	1
F14	Kebanyakan penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 116 - 117 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

5(c)	Andaikan anda sebagai pemimpin negara, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempertahankan kedaulatan negara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Meningkatkan jati diri dalam kalangan rakyat	1
F2	Mengekalkan perpaduan kaum	1
F3	Menguasai ilmu pengetahuan	1
F4	Tidak mudah terpengaruh dengan agenda asing	1
F5	Melindungi budaya bangsa dan negara	1
F6	Amanah dalam memikul tanggungjawab	1
F7	Mewujudkan pentadbiran yang cekap	1
F8	Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran	1
F9	Tidak mencampuri urusan negara lain	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
		<b>[ 4m ]</b>

### **BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

1(a)	Nyatakan faktor-faktor yang telah menyumbang kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
F2	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO	1
F3	Sokongan pentadbir British	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132-133 [ 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

1(b)	Siapakah pegawai British yang membantu dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan mengapakah mereka berbuat sedemikian?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Sir Edward Gent	1
F2	Malcolm MacDonald	1
F3	Sir Ralph Hone	1
F4	L.D Gammans	1
F5	A.T Newbould	1
F6	Roland Braddell	1
F7	W.Linehan	1
F8	Theodore Adams	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 133 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

1(c)	Pada pandangan anda, mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu	1
F2	Menghargai sejarah negara	1
F3	Melahirkan perasaan cinta kepada negara	1
F4	Melahirkan perasaan taat kepada raja	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[ mana-mana 3 x 1m ]	[ 3m ]

2(a)	Nyatakan dua cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penubuhan Pesekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan baharu	1
F2	Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union	1
F3	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
F4	Raja-raja berkuasa dalam perundangan	1
F5	Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132</b> [ mana-mana 2 x 1m ]	[ 2m ]

2(b)	Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu / orang Melayu	1
F2	Penentangan disaksikan oleh Gammans / Rees William / ahli Parlimen British	1
F3	Hasil tinjauan dilaporkan kepada Dewan Parlimen British	1
F4	Gammans menyatakan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union	1
F5	Persediaan menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu / UMNO / British	1
F6	Malcolm MacDonald / Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent / Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan / perundingan dengan Raja-raja Melayu	1
H	Bertujuan mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British	1
F7	Cadangan Raja-raja Melayu/ UMNO	1
H	Penubuhan persekutuan bertaraf naungan / bukannya tanah jajahan	1
H	Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union	1
H	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
H	Raja berkuasa dalam perundangan	1
H	Perkataan Negeri-negeri Melayu perlu muncul dalam persekutuan yang baharu	1
F8	Sultan Perak menjadi jurucakap Raja-raja Melayu mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan	1

F9	Gammans / Rees Williams menyampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak di Parlimen British	1
F10	Sokongan pentadbir British	1
F11	Dapat mewujudkan kestabilan / kemajuan ekonomi	1
F12	Sir Edward Gent/ Malcolm MacDonalds / Sir Ralph Hone / Gammans / A.T. Newboul / Roland Braddell / W. Linehan / Theodore Adams	1
F13	Sir Ralph Hone mencadangkan British melibatkan Raja-Raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
F14	Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri / Majlis Perundangan	1
F15	Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang pada Mei 1946	1
F16	British memberi peluang kepada Dato' Onn Jaafar / Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas	1
F17	Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil	1
F18	Pelabur luar akan terdorong untuk melabur di negara ini	1
F19	British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132-133 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(c)	Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Jelaskan.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu	1
F2	Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan	1
F3	Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu daripada sembilan orang raja	1
F4	Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa Raja-raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa Kerajaan Persekutuan	1
F5	Pada peringkat negeri, sultan menjadi ketua negeri	1
F6	Sultan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri	1
F7	Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan Negeri	1
F8	Terbentuk Senarai Persekutuan / Senarai Negeri	1
F9	Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara	1
F10	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa	1
F11	Mewujudkan kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum	1
F12	Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
F13	Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132-133 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(a)	Nyatakan dua faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penentangan orang Melayu	1
F2	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO	1
F3	Sokongan pentadbir British	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132-133 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

3(b)	Terangkan usaha yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pertemuan raja-raja Melayu dengan Gabenor MU di Kuala Kangsar	1
F2	Raja-raja Melayu mencadangkan beberapa perkara	1
F3	Penubuhan persekutuan bertaraf naungan	1
F4	Perjanjian yang baharu gantikan Malayan Union	1
F5	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi gantikan Gabenor MU	1
F6	Raja berkuasa dalam perundangan	1
F7	Perkataan "Negeri-negeri Melayu" dalam persekutuan baharu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 132 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(c)	Huraikan sokongan pentadbir British yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pentadbir British sokong konsep persekutuan	1
C	Contoh Edward Gent dan Sir Malcolm Macdonald	1
F2	Sir Ralph Hone cadangkan British libatkan Raja-raja Melayu	1
F3	Sultan diberi kuasa dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan	1
F4	Mewujudkan politik stabil dan kemasukan pelabur luar	1
F5	Selaras dengan dasar dekolonisasi	1
F6	Melalui Piagam Atlantik oleh PBB	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 133 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

4(a)	Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pelaksanaan pemerintahan Raja Berperlembagaan	1
H	Simbol ketamadunan orang Melayu	1
F2	Mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal TM	1
H	kedudukan istimewa orang Melayu terjaga	1
F3	Penggabungan Negeri-negeri Melayu bawah satu unit menepati perjuangan pertubuhan Melayu	1
F4	Syarat kerakyatan yang lebih ketat	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136-137 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

4(b)	Jelaskan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu	1
H1a	Majlis Raja-raja ditubuhkan	1
H1b	Raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan	1
F2	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
F3	Mewujudkan kerjasama kaum	1
H3a	Membuka jalan kepada penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	1
H3b	Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
F4	Membuka ruang kewarganegaraan	1
H4a	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal	1
H4b	Orang bukan Melayu boleh menjadi warganegara mengikut syarat tertentu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136-137 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

4(c)	Nyatakan nilai patriotisme yang diperoleh daripada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Membentuk semangat patriotisme	1
F2	Membangkitkan kesedaran dan tanggungjawab pemimpin	1
F3	Menyemai rasa bangga dalam diri	1
F4	Mengukuhkan peradaban bangsa dan negara	1
F5	Memartabatkan bahasa kebangsaan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

5(a)	Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 diterima dengan hati terbuka oleh Raja-raja Melayu?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu	1
F2	Majlis Raja-raja diwujudkan	1
H2a	Dipengerusi oleh seorang daripada Raja-raja Melayu	1
H2b	Keanggotaannya terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu	1
F3	Raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

5(b)	Penubuhan PTM 1948 telah memberi kesan kepada penduduk Tanah Melayu. Jelaskan.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
F2	Mewujudkan kerjasama kaum	1
H2a	Membuka jalan kepada penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	1
H2b	Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
F3	Membuka ruang Kewarganegaraan	1
H3a	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal	1
H3b	Orang bukan Melayu boleh menjadi warganegara mengikut syarat tertentu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136-137 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

5(c)	Sebagai warganegara yang prihatin, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan kita sentiasa menjadi rakyat yang taat dan setia kepada negara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengekalkan keamanan negara	1
F2	mengelakkan berlakunya pertelingkahan antara kaum	1
F3	menyelesaikan masalah melalui rundingan dan musyawarah	1
F4	Rakyat harus hidup dalam keadaan yang harmoni	1
F5	Berfikir secara rasional sebelum melakukan sebarang tindakan	1
F6	tidak merosakkan keamanan negara	1
F7	melahirkan masyarakat yang berguna kepada negara	1
F8	Tidak mengkhianati negara	1
F9	Mempertahankan maruah negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

6(a)	Mengapakah penubuhan PTM 1948 ini dikatakan telah mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Wujudnya Majlis Raja-raja	1
F2	Dipengerusikan salah seorang daripada Raja-raja Melayu	1
F3	Dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu	1
F4	Pesuruhjaya Tinggi pastikan raja perlu dirujuk dalam kuasa kerajaan Persekutuan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136 [ mana-mana 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

6(b)	Persekutuan Tanah Melayu telah memberi banyak kebaikan kepada orang Melayu. Buktikan.?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menjaga dan iktiraf kedudukan istimewa orang Melayu	1
F2	Hak ketuanan Melayu diiktiraf	1
F3	Orang Melayu diberi hak dalam ekonomi	1
F4	Tahap pendidikan dipertingkatkan	1
F5	Diiktiraf sebagai sebagai penduduk asal	1
F6	Bahasa Melayu diutamakan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 136 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

6(c)	Terangkan kerjasama kaum yang berlaku melalui penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penting dalam usaha memupuk perpaduan	1
F2	Membuka jalan ke arah perpaduan	1
F3	Melalui penubuhan CLC	1
F4	Cadangan CLC dimasukkan dalam usul perundangan	1
F5	Berjaya memupuk persefahaman pemimpin pelbagai kaum	1
F6	Merintis pembentukan PTM 1957	1
F7	Membawa kemerdekaan	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 137 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

## BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT

1(a)	Nyatakan dua buah negara yang terlibat dengan penyebaran fahaman komunis pada era 1920an di Tanah Melayu	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	China	1
F2	Indonesia	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 146 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

1(b)	Bincangkan kemasukan pengaruh komunis di negara kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penubuhan Parti Komunis Malaya	1
F2	Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1
F3	PKM bergerak melalui Kesatuan Sekerja / pertubuhan / penerbitan akhbar dan Sekolah Cina	1
F4	PKM menyusup ke dalam Kesatuan Sekerja untuk mengukuhkan pengaruh komunis	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 147 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

1(c)	Terangkan kesan tindakan komunis terhadap negara	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Komunis melumpuhkan ekonomi	1
F2	Menyerang 80 lombong bijih timah	1
F3	Merosakkan pokok getah / kilang estet / rumah asap / rumah kongsi / kedai / sekolah	1
F4	Komunis mengancam keselamatan	1
F5	Komunis merosakkan infrastruktur	1
F6	Sistem pengangkutan dan perhubungan	1
F7	Laluan jalan kereta api dirosakkan	1
F8	Menyerang pekerja awam membaiki infrastruktur seperti jalan raya dan perkhidmatan memasang paip	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 149-150 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(a)	Berikan dua strategi dalam perjuangan Komunis	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mencetuskan huru-hara di seluruh negara	1
F2	Melumpuhkan ekonomi	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 149 [ 2 x 1m ]</b>	<b>[ 2m ]</b>

2(b)	Apakah kesan terhadap kehidupan masyarakat setempat akibat tindakan Komunis di(a)?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Rakyat hidup dalam ketakutan	1
F2	Tidak dapat bekerja / mencari nafkah	1
F3	Mengalami kerosakan harta benda	1
F4	Menjejaskan kehidupan harian	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 149 [ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

2(c)	Jika anda hidup pada zaman tersebut, cadangkan langkah-langkah untuk membanteras Komunis.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menyertai pasukan keselamatan	1
F2	Menjalankan kempen anti komunis	1
F3	Tidak membantu komunis	1
F4	Bekerjasama dengan pihak berkuasa	1
F5	Menjadi sukarelawan membantu banteras komunis	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	<b>[ mana-mana 4 x 1m ]</b>	<b>[ 4m ]</b>

3(a)	Jelaskan kesan darurat terhadap aspek politik negara kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Peningkatan jumlah kewarganegaraan	1
F2	Kerajaan telah melonggarkan syarat kewarganegaraan	1
F3	Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)	1
F4	Untuk menawan hati penduduk Cina	1
F5	Mempercepatkan kemerdekaan	1
F6	Mendorong British mempercepatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 161 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

3(b)	Jelaskan kesan darurat terhadap aspek sosioekonomi negara kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Meningkatkan kos perbelanjaan	1
F2	Menjejaskan perkembangan ekonomi	1
F3	Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British	1
F4	Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat	1
F5	Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis	1
F6	Pengeluaran makanan berkurangan	1
F7	Harga barangan melambung tinggi	1
F8	Merenggangkan hubungan kaum	1
F9	Penempatan semula Kampung Baru didominasi kaum tertentu	1
F10	Kawalan keselamatan yang ketat merenggangkan hubungan kaum	1
	<b>Rujuk Buku Teks Ting. 4 ms 162-163 [ mana-mana 3 x 1m ]</b>	<b>[ 3m ]</b>

3(c)	Bagaimana kita dapat mengelakkan tragedi tersebut berulang ?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
